

01 MAR 2000

SEMUA BAHAGIAN UMNO MELAKA DINASIHAT CALONKAN DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

MELAKA, 1 Mac (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Wira Mohamed Ali Rustam hari ini berkata perhubungan Umno negeri telah membuat ketetapan meminta semua bahagian Umno Melaka mencalonkan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri bagi dua jawatan utama parti Mei ini.

Ketetapan itu dicapai pada mesyuarat perhubungan Umno Melaka baru-baru ini, katanya.

Umno negeri berharap kesemua lima bahagian Umno di Melaka menerima ketetapan itu untuk mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden parti, katanya kepada pemberita di sini.

Umno negeri bagaimanapun menyerahkan kepada bahagian-bahagian untuk membuat pencalonan masing-masing bagi tiga jawatan naib presiden dan kerusi Majlis Tertinggi.

Mohamed Ali yang mengetuai Umno Bahagian Batu Berendam berkata bahagian itu akan mengadakan presidangan perwakilannya Ahad ini diikuti dengan empat lagi bahagian - Alor Gajah, Selandar, Kota Melaka dan Jasin - pada 12 Mac.

-- BERNAMA

NO RON